



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JANUARI / 31 / 2024

M/S : (1&2)



Al-Sultan Abdullah bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada Istiadat Keberangkatan Balik Yang di-Pertuan Agong ke-16 di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam. Turut hadir Anwar serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof. (Foto BERNAMA)

Keadilan merakyat Al-Sultan Abdullah sentiasa diingati

PM titipkan
doa pasangan
diraja, keluarga
tetap dalam
keadaan sihat

Oleh Uth Hafiz Aziz
ilhaf@berita-harian.com.my
@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia mendapat limpahan keamanan dan kesejahteraan di bawah pemerintahan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pemerintahan baginda yang merakyat selama lima tahun akan dikenang seluruh rakyat.

"Merafak Sembah Menjunjung Kasih Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Is-

kandariah sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku Sebagai Yang di-Pertuan Agong XVI.

"Moga Seri Paduka Baginda Tuanku berdua, putera-putera, puteri-puteri dan seluruh kerabat diraja diberi keaktifan dan sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah SWT. Daulat Tuanku!" katanya dalam catatan di Facebooknya, semalam.

Rangkaian kemelut politik

Menurut Anwar, pemerintahan Seri Paduka yang merakyat disulam hikmah keadilan serta kebijaksanaan tentunya dikenang rakyat keseluruhannya yang menikmati limpahan keamanan dan kesejahteraan sepanjang tempoh baginda bersemayam di atas takhta selama lima tahun.

Perdana Menteri berkata, kewibawaan Al-Sultan Abdullah juga merungkai kemelut politik negara dan menggagaskan sebuah Kerajaan Perpaduan.

"Ia membugar kestabilan dan memungkinkan usaha kita untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara ini ke tingkat tertinggi," katanya.

Semalam, Al-Sultan Abdullah menamatkan pemerintahan selepas memenuhi tempoh lima tahun di atas takhta sebagai Ketua Utama Negara bermula 31 Januari 2019.

Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong telah selamat kembali bersemayam ke Pahang selepas berangkat pulang dari Istana Negara dan disusuli di Dataran Parlimen bagi istiadat rasmi perpisahan.

Dalam pada itu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, yang dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 menerusi Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-263 (Khas) pada 27 Oktober 2023, akan dimasyhurkan bagi menggantikan Al-Sultan Abdullah hari ini.

Baginda dijadual menyempurnakan Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-264 (Khas) di Balai Truong Seri, Istana Negara yang akan turut menyaksikan Sultan Perak Sultan Nazrin Shah mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh tempoh lima tahun bermula hari ini.